

Penggunaan Frasa Berbunga dalam Penulisan Karangan

Badrolhaizat Kamsin

badrolhaizat_kamsin@moe.edu.sg

Irvena Herlin Abdullah


irvena_herlin@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodgrove

Abstrak

Murid-murid didapati kurang memahami cara menulis karangan yang menarik dan sering ketandusan idea. Akibatnya, karangan yang dihasilkan kurang memuaskan dan tidak kreatif. Lantaran itu, jalan cerita karangan mereka sering membosankan dan menjejaskan markah, terutamanya bagi bahagian isi. Kajian ini dijalankan untuk meninjau kesan penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan agar karangan yang ditulis menjadi menarik. Kaedah kajian yang digunakan berbentuk kuantitatif dan kualitatif. Strategi pengajaran secara eksplisit dan rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Kongsi telah digunakan dalam menjalankan sesi pengajaran ini. Penilaian berbentuk praujian dan pascaujian digunakan untuk mengumpul data. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan frasa berbunga dalam karangan murid dapat membantu menjadikan karangan murid menjadi lebih menarik.

Kata Kunci: karangan, frasa berbunga, kolaboratif, eksplisit, idea kreatif



PENGENALAN

Satu daripada aspek penting dalam pembelajaran bahasa Melayu ialah kemahiran menulis karangan. Kemahiran ini merupakan satu daripada unsur dalam perkembangan dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Oleh sebab itu, kemahiran menulis karangan dipelajari di sekolah sehingga ke peringkat yang paling tinggi kerana masalah menulis berlaku dalam setiap peringkat usia dan tahap pendidikan. Dalam hal yang demikian, murid juga harus diberi latihan yang membolehkan mereka mempelajari dan menggunakan kemahiran tersebut sejak dari awal lagi. Justeru, bentuk pengajaran yang sesuai perlu diamalkan oleh guru agar kemahiran mengarang dapat diajar dengan lebih berkesan.

Penerapan penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan jarang diaplikasikan oleh murid memandangkan kurangnya pengetahuan murid akan kesesuaian frasa berbunga tersebut mengikut konteks dalam ayat ataupun mungkin disebabkan kurangnya pengetahuan dari segi kemahiran kosa kata. Arba'ie Sujud (2010) menekankan bahawa pemilihan kata dan lambang bahasa secara berhati-hati dan tertib, menjadikan jalinan bahasa bukan sekadar suatu anyaman tetapi suatu hamparan indah.

Justeru untuk mengindahkan lagi karangan atau mendedahkan murid kepada penulisan yang lebih kreatif dan menarik, penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan telah dilaksanakan. Seramai 31 murid Darjah 5 telah diuji cuba dalam kajian ini. Hasilnya amat memberangsangkan.

Kertas kajian ini membincangkan bagaimana guru boleh mengajar frasa berbunga dengan mudah kepada murid dan sekaligus menjadikannya satu panduan kepada mereka supaya lebih yakin menggunakannya dalam penulisan karangan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang dihadapi oleh murid-murid adalah menulis karangan yang baik. Ini sering terjadi kerana ketandusan idea atau ayat-ayat yang ditulis kurang menarik. Maka itu, sering kali hasil karangan murid didapati agak membosankan dari segi jalan cerita kerana kurangnya penggunaan kosa kata atau ayat-ayat yang menarik. Kesudahannya, markah pencapaian murid kurang memuaskan. Ada yang sekadar



lulus sahaja dan tidak kurang pula yang gagal. Tidak dinafikan dengan adanya pengaruh media sosial yang lebih berfokus kepada bahasa Inggeris atau bahasa pasar, menjadikan murid terdedah kepada isu bahasa yang membimbangkan. Justeru, jarang sekali dapat dilihat frasa berbunga yang diterapkan dalam karangan mereka.

TUJUAN KAJIAN


Tujuan kajian ini dijalankan untuk:

1. menjadikan penulisan karangan lebih menarik dengan menggunakan frasa berbunga;
2. menggalakkan murid mengembangkan idea atau isi dalam karangan; dan
3. memastikan pelajar dapat menggunakan frasa berbunga yang sesuai dengan konteks dalam penulisan karangan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Arba'ie Sujud (2010) ketepatan dalam memilih kata dan diksi dapat menghasilkan sebuah karya yang memiliki keindahan kata dan makna melalui diksi yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa karangan yang menarik ditunjangi oleh elemen-elemen bahasa yang dirangkaikan menjadi ayat-ayat yang menarik yang mampu menyentuh deria rasa pembaca. Ini sekaligus menjadikan sesebuah karangan itu karangan yang berjaya.

Hal ini menunjukkan bahawa proses mengajar murid menggunakan frasa berbunga adalah penting bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam penulisan dan berhati-hati serta peka terhadap apa yang ditulis dan ingin disampaikan kepada khalayak pembaca. Melalui proses ini rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Kongsi telah digunakan. Ini sejajar dengan pemerhatian yang dilakukan oleh Lev Vygotsky (1962) tentang pembelajaran secara kolaboratif dan berpasangan. Beliau menegaskan bahawa manusia membentuk pengetahuan dan pemahaman sendiri tentang keadaan di sekelilingnya dengan membuat refleksi melalui pengalaman yang diraihnya. Beliau juga lebih menekankan tentang teori konstruktivisme sosial di mana ilmu pengetahuan dibina berdasarkan interaksi sosial, budaya dan aktiviti yang membentuk pembinaan dan pembelajaran individu.



KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian tindakan untuk melihat keberkesanan rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Kongsi dalam mengenalkan murid kepada cara-cara menggunakan frasa berbunga dalam penulisan karangan.

Pendekatan pengajaran secara eksplisit juga digunakan bagi memastikan murid benar-benar memahami apa yang diajarkan supaya mudah bagi mereka menjalankan tugas pembelajaran mereka secara sendiri. Dalam pengajaran secara eksplisit, murid dibimbing melalui modeling. Ini merupakan peringkat yang agak penting kerana jika murid dapat memahami apa yang ingin disampaikan pada peringkat ini, maka seterusnya tentu tugas guru dan murid menjadi mudah pada peringkat seterusnya.

Borang maklum balas telah digunakan bagi mengenal pasti sama ada murid memahami pelajaran yang mereka ikuti ataupun sebaliknya. Melalui borang tersebut juga, data-data tentang keberkesanan strategi ke atas hasil kerja murid dapat dikesan. Kajian ini melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif.


Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 31 orang murid Darjah 5 yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka terdiri daripada murid-murid *middle progress* (MP) dan *higher progress* (HP). Semasa ujian diagnostik dilakukan, terdapat beberapa orang murid yang gagal dalam ujian Topikal. Pemilihan ini dilakukan sebagai uji cuba untuk melihat sejauh mana murid-murid dapat menggarap penggunaan frasa berbunga dalam penulisan dengan berkesan.

Instrumen Kajian

Keupayaan murid dinilai melalui praujian dan pascaujian. Murid juga dinilai melalui kelakonan mereka semasa menulis karangan di dalam kelas dan pencapaian mereka melalui ujian semester. Di dalam kelas, hasil kerja murid dinilai melalui ketepatan penggunaan frasa berbunga di dalam karangan mereka. Penilaian juga dilihat melalui kekerapan murid menggunakan frasa berbunga dalam karangan mereka.

Bagi mencapai tujuan ini, murid telah melalui pembelajaran secara eksplisit.



Borang soal selidik juga telah digunakan bagi memantau sejauh mana murid-murid dapat memahami serta menggunakannya dalam karangan mereka.

Prosedur Kajian


Kajian ini dijalankan sepanjang tahun 2017 selepas keputusan markah karangan murid diperolehi.

Guru-guru Bahasa Melayu secara berkolaborasi telah menghasilkan karya-karya cerita pendek bagi setiap peringkat Darjah 1 hingga Darjah 6. Karya-karya ini dinamakan sebagai Program Menghargai Sastera atau L.A.P. (*Literature Appreciation Programme*). Dalam setiap karya disisipkan beberapa jenis frasa berbunga yang kemudiannya diikuti dengan latihan menggunakan frasa berbunga di dalam ayat sebagai pengukuhan. Selepas proses tersebut, guru telah merancang aktiviti penulisan menggunakan frasa-frasa berbunga yang telah mereka ajarkan.

Dalam pelajaran yang pertama, guru menggunakan pendekatan modeling bagi memastikan murid-murid terbimbing dan faham akan setiap langkah yang diajarkan. Guru menayangkan sebuah karangan ringkas. Kemudian, guru menayangkan beberapa jenis frasa berbunga. Guru meletakkan frasa berbunga yang sesuai pada ayat-ayat yang tertentu di samping meluaskan ayat-ayat tersebut dengan kosa kata tambahan jika perlu.

Dalam pelajaran seterusnya, murid-murid duduk secara berpasangan. Mereka diberikan sebuah teks yang berbeza. Teks ini juga memerlukan pengisian frasa berbunga yang sesuai pada bahagian ayat-ayat yang tertentu. Murid secara berpasangan berbincang tentang pemilihan frasa-frasa berbunga yang sesuai untuk digunakan supaya ia menjadi sebuah karangan yang dilengkapi dengan frasa berbunga. Selepas proses ini, murid-murid secara berpasangan akan beralih ke meja rakan mereka yang lain untuk membuat penilaian akan hasil tugas rakan mereka. Murid-murid akan saling memberi maklum balas tentang hasil tugas rakan-rakan mereka. Borang maklum balas dan soal selidik digunakan bagi aktiviti ini.

Selepas proses ini, murid diberi latihan menulis karangan secara sendiri. Sama seperti prosedur di atas, murid diberikan sebuah teks karangan yang pendek berserta senarai frasa berbunga yang telah mereka pelajari. Kemudian, murid akan menyisipkan frasa-frasa berbunga tersebut pada ayat-ayat yang sesuai.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi mendapatkan data kajian, guru mengambil kira keputusan murid dalam ujian Topikal, SA1 – Ujian Semester 1, CA2 – Ujian Berterusan 2 dan SA2 – Ujian Semester 2 murid Darjah 5 tahun 2017. Keempat-empat keputusan penilaian ini telah digunakan untuk melihat perbandingan dan keberkesanan pengajaran ini dalam meningkatkan penggunaan frasa berbunga dalam karangan serta meningkatkan markah murid-murid.


Berdasarkan keputusan peperiksaan murid, jumlah terbanyak yang gagal adalah dalam ujian Topikal 1. Pada tahap ini, murid-murid belum didedahkan kepada teknik penggunaan frasa berbunga. Justeru, ramai yang kurang menyerlah dari segi isi. Rata-rata mereka gagal meluaskan idea kerana buntu dan tidak tahu apa lagi yang hendak disertakan dalam karangan mereka.

Selepas menjalankan teknik ini dengan murid, guru dapat melihat kemajuan yang agak ketara dari segi pencapaian murid dalam peperiksaan SA1. Tiada murid yang gagal. Oleh yang demikian, teknik pengajaran ini telah dilanjutkan hingga ke peperiksaan CA2. Bagaimanapun di sini terdapat seorang sahaja murid yang gagal. Ini disebabkan oleh kesilapan murid itu sendiri yang menjawab soalan karangan 1 (karangan berasaskan tajuk) tetapi menulis karangan yang tidak memenuhi kehendak tajuk. Namun demikian, pada peperiksaan SA2, murid-murid kembali menunjukkan pencapaian yang baik dan tiada murid yang gagal.

**Jadual 1: Keputusan Markah Murid dalam Penilaian
Komponen Penulisan Karangan**

Keputusan Karangan	Lulus	Gagal	Jumlah Murid
Ujian Topikal 1	25	6	31
SA1	31	0	31
CA2	29	1	30
SA2	31	0	31

Berikut ialah dapatan kajian yang meneliti jumlah penggunaan frasa berbunga dalam karangan peperiksaan mereka. Dari segi peningkatan jumlah



memang amat memberangsangkan kerana dalam peperiksaan SA2 semakin ramai murid yang lebih yakin menggunakan frasa berbunga dalam penulisan karangan mereka. Ada beberapa murid yang telah menggunakan sepuluh atau lebih frasa berbunga dalam karangan mereka. Ini lebih daripada apa yang dijangkakan. Hal ini menunjukkan bahawa murid telah berjaya menguasai penggunaan frasa berbunga dalam karangan mereka apabila mereka berada dalam Darjah 6 pada tahun hadapan nanti.


Jadual 2: Jumlah Penggunaan Frasa Berbunga dalam Karangan

Frasa Berbunga	Menggunakan 4 atau kurang	Menggunakan 5 atau lebih	Jumlah murid
Ujian Topikal 1	2	0	31
SA1	25	6	31
CA2	20	10	30
SA2	15	16	31

Berikut ialah respons murid berkaitan penilaian mereka terhadap tugas rakan mereka. Murid-murid dapat berbincang dan berkongsi pendapat akan kekuatan atau kelemahan hasil karangan rakan-rakan mereka. Guru sebagai fasilitator akan mencelah untuk menambah komen-komen yang perlu agar murid-murid semua dapat belajar daripada contoh-contoh karangan rakan-rakan mereka untuk memperbaiki kelemahan diri masing-masing.

Jadual 3: Respons Murid

No.	Respons Murid	Ya	Tidak
1	Teks yang diubahsuai boleh saya fahami.	29	2
2	Frasa berbunga digunakan dengan betul / sesuai dalam ayat.	27	4
3	Frasa berbunga yang digunakan menarik.	27	4
4	Isi karangan ini dikembangkan dengan betul.	29	2
5	Karangan ini lebih menarik daripada karangan asal.	29	2



KESIMPULAN

Menerapkan penggunaan frasa berbunga dalam penulisan karangan merupakan salah satu strategi yang guru boleh gunakan untuk menggalakkan murid-murid menghasilkan karangan yang kreatif. Dengan menggunakan rutin berfikir Fikir-Berpasangan-Kongsi, murid-murid berpeluang untuk berinteraksi sesama mereka di samping bertukar-tukar pendapat akan karangan yang rakan-rakan mereka telah hasilkan. Murid-murid juga tidak lepas daripada menggunakan kebolehan berfikir sewaktu meluaskan ayat dengan menyertakan frasa berbunga yang sesuai dengan konteks. Penggunaan frasa berbunga dapat membantu murid menulis karangan dengan penuh yakin dan menghasilkan karangan yang menarik.

Penggunaan pendekatan mengajar secara eksplisit juga telah membantu murid agar lebih memahami konsep frasa berbunga dengan tepat dan pemilihan frasa berbunga yang sesuai dengan penggunaannya dalam karangan. Pastinya ini dapat mencorak daya pemikiran murid supaya menjadi lebih kreatif dalam penulisan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Nur Syafizah Rohayat

RUJUKAN

Abbas Mohd Shariff (2012). *Strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa*, Singapura: Alfa Media.

Arba'ie Sujud. (2010). *Apresiasi bahasa – interpretasi & ekspresi*. Kuala Lumpur: Sarjana Press Sdn. Bhd.

Malay Language Centre Of Singapore (2017). Pengajaran Inovatif, Pemikiran Kreatif – Seminar Bahasa Melayu 2018. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Vygotsky, L.S. (1978) *Mind in Society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
Vygotsky, L.S. (1962). *Thought and Language*. Cambridge, MA: MIT Press. (Original work published in 1934).

